

05 NOV 1996

CHASE PERDANA METERAI DUA PERJANJIAN PELABURAN DI ZIMBABWE

Oleh: Kuah Guan Oo

HARARE, 5 Nov (Bernama) -- Chase Perdana Bhd merupakan syarikat Malaysia keempat yang akan melabur di Zimbabwe selepas dua memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani di sini hari ini.

MoU pertama ialah antara Majlis Bandaraya Harare manakala yang kedua dengan Kama Construction (Pte) Ltd, untuk mengadakan usaha sama bagi menjalankan projek-projek perumahan, infrastruktur dan kawasan perindustrian ringan.

Ia ditandatangani oleh Datuk Bandar Harare, Solomon Tawengna dan Pengerusi Eksekutif Chase Perdana, Datuk Dr Mohan Swami manakala yang kedua antara Dr Mohan dan Pengerusi Eksekutif Kama, I. Mageunzi.

Upacara itu disakikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Bandar dan Luar Bandar Zimbabwe.

Tiga lagi syarikat Malaysia yang melabur di Zimbabwe ialah YTL di stesen tenaga Thermal Hwange; Sungai Way Group dalam pembinaan kawasan perindustrian dan ZimMal dan Hasedat dalam sektor perumahan kos rendah dan pembalakan.

Kedua-dua ZimMal dan Hasedat dimiliki oleh usahawan Malaysia, Dr Hassan Ali.

-- BERNAMA

KGO AAM OBA